



## MAJLIS PELANCARAN DAN SIDANG MEDIA KAYUHAN WANITA 2019, PENGGERAK DASAR KOMUNITI NEGARA



Pada 28 Ogos 2019, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Program Kayuhan Wanita 2019, Penggerak Dasar Komuniti Negara. Turut hadir dalam majlis pelancaran ini adalah penyanyi terkenal tanah air, Dato Sri Siti Nurhaliza sebagai Ikon Selebriti

Kayuhan Wanita. Program ini merupakan kerjasama antara Pertubuhan Pembangunan Wanita Putrajaya (PEWARNA) dan KPKT yang turut bersama-sama memartabatkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Menurut YB Puan Hajah Zuraida, seramai 3,000 peserta telah disasarkan untuk berkeyuhan sejauh 20 Kilometer bermula di Monumen Alaf Baru, Putrajaya. Beliau turut menjelaskan bahawa program ini merupakan program pertama di bawah Dasar Komuniti Negara yang menjadikan aktiviti sukan sebagai wadah mewujudkan persekitaran berkualiti dan memperkasa aktiviti komuniti.



Menerusi sidang media yang diadakan, YB Puan Hajah Zuraida menjelaskan bahawa melalui program ini kita dapat mendidik masyarakat bahawa dengan berbasikal juga mampu menjadikan hidup lebih berkualiti. Di samping itu, dapat menjaga kesihatan dengan baik.

Dalam sidang media yang sama, Dato Sri Siti Nurhaliza menyokong aktiviti-aktiviti seperti ini. Beliau turut menyatakan bahawa aktiviti ini merupakan sebahagian daripada komitmennya mengajak masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat di samping meluangkan aktiviti riadah bersama peminat.

The poster features a central graphic with a woman on a bicycle. Text includes 'Kayuhan WANITA 2019' with a subtitle 'PENGALIHAN UJARAN KOMUNITI TERBUKA SEPULUH', '26 OKT 2019', 'MONUMEN ALAF BARU | PUTRAJAYA ROUTE', and distances '20 KM (W) | 30 KM (L)'. It also displays the 'ticket2U.com.my' logo, a photo of a large group of cyclists, the hashtag '#balanceforbetter', and social media details for Facebook, Instagram, and email. A portrait of Dato Sri Siti Nurhaliza wearing a cycling helmet is in the bottom right corner.

**Kayuhan WANITA 2019**  
PENGALIHAN UJARAN KOMUNITI TERBUKA SEPULUH

**26 OKT 2019**  
MONUMEN ALAF BARU | PUTRAJAYA ROUTE

20 KM (W)  
30 KM (L)

ticket2U.com.my

#balanceforbetter

Ikun Selebriti Rasmi :  
Dato Sri Siti Nurhaliza

Facebook: KAYUHAN WANITA 2019  
Instagram: KAYUHANWANITA2019  
Email: kayuhanwanita3@gmail.com

Sumber: Unit Komunikasi Korporat